

## Krisis Tebusan di Bangunan AIA Kuala Lumpur oleh Tentera Merah Jepun, 1975: Kejayaan Diplomasi Malaysia dalam Menyelesaikan Krisis

*The Hostage Crisis at the Kuala Lumpur AIA Building by the Japanese Red Army, 1975: The Success of Malaysian Diplomacy in Resolving the Crisis*

Azlansyah Aman<sup>1</sup> & Sah-Hadiyatun Ismail<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Micron Memory Malaysia Sdn Bhd.  
1063, Tingkat Perusahaan 6, Kawasan Perusahaan Bebas Perai,  
13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia,  
11800 Pulau Pinang, Malaysia  
emel: sah.ismail@usm.my

**Published:** 26 June 2023

**To cite this article (APA):** Aman, A., & Ismail, S. H. (2023). The Hostage Crisis at the Kuala Lumpur AIA Building by the Japanese Red Army, 1975: The Success of Malaysian Diplomacy in Resolving the Crisis: Krisis Tebusan di Bangunan AIA Kuala Lumpur oleh Tentera Merah Jepun, 1975: Kejayaan Diplomasi Malaysia dalam Menyelesaikan Krisis. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15(1), 25–38. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.3.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.1.3.2023>

### Abstrak

Krisis tebusan yang berlaku di bangunan AIA Kuala Lumpur pada 1975 menggemparkan negara kerana ia merupakan tindakan keganasan pertama yang melibatkan pengganas dari negara luar. Makalah ini membincangkan kronologi peristiwa tebusan yang berlaku, serta tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam menangani krisis tersebut. Banyak pihak terlibat dalam penyelesaian krisis tebusan yang berlangsung dari 4 Ogos sehingga semua pengganas meninggalkan Malaysia pada petang 7 Ogos 1975. Kerajaan Malaysia menangani krisis ini dengan baik dan memastikan keselamatan kedua-dua tebusan dan pihak berkuasa. Di samping memperincikan kronologi peristiwa, makalah ini memfokuskan usaha diplomatik Malaysia dan pendirian negara yang terlibat dalam krisis ini. Selain daripada bahan yang diterbitkan, makalah ini juga merujuk kepada akhbar harian daripada fail acara dan arkib. Makalah menekankan peranan penting Malaysia selepas Amerika Syarikat enggan berunding dengan pengganas. Malaysia berjaya memainkan peranan yang berkesan dalam menyelesaikan krisis tebusan ini melalui rundingan dan diplomasi dengan pengganas dan negara luar. Peristiwa ini sudah pasti memberi pengajaran berharga kepada Malaysia, khususnya dari segi keselamatan dan pengurusan krisis ketika berhadapan dengan pengganas antarabangsa.

**Kata kunci:** pengganas, Tentera Merah Jepun, diplomasi, krisis tebusan, keganasan antarabangsa

### Abstract

*The hostage crisis that occurred at the AIA Kuala Lumpur building in 1975 shocked the country because it was the first act of terrorism involving terrorists from foreign countries. This paper discusses the chronology of the hostage events that took place, as well as the actions taken by the Malaysian Government in dealing with the crisis. Many parties were involved in the resolution of the hostage crisis, which lasted from 4t August until all the terrorists left Malaysia on the evening of 7th August 1975. The Malaysian government handled this crisis well and ensured the safety of both the hostages and the authorities. In addition to look at the details of the events chronology, this paper focuses on Malaysia's diplomatic efforts and the stance of the countries involved in this*

*crisis. Apart from the published materials, daily newspapers report from the event and archive files are referred too. The paper highlights Malaysia's crucial role after the United States refused to negotiate with the terrorists. Malaysia successfully played an effective role in resolving this hostage crisis through negotiations and diplomacy with the terrorists and foreign countries. This event has undoubtedly taught Malaysia a valuable lesson, particularly in terms of security and crisis management when dealing with international terrorists.*

**Keywords:** terrorist, Japanese Red Army, diplomacy, hostage crisis, international terrorism

## PENGENALAN

Pada hari Isnin tanggal 4 Ogos 1975, sekumpulan lima orang penganas Tentera Merah Jepun atau *Japanese Red Army* (JRA) menyerbu pejabat Konsular Amerika Syarikat dan Kedutaan Sweden yang terletak di Bangunan *American Insurance Associates* (AIA) di Kuala Lumpur. JRA ialah pertubuhan militan yang ditubuhkan di Jepun bagi menggulingkan Kerajaan Jepun dan mencetuskan revolusi di seluruh dunia. Pertubuhan ini telah melakukan banyak serangan dan pembunuhan terhadap sasaran antarabangsa pada tahun 1970-an.

Penganas JRA menjadikan seramai 53 orang awam dan diplomat sebagai tebusan termasuklah Konsul Amerika Syarikat, Robert Stebbins dan Kuasa Usaha Sweden, Fredrik Bergenstrahle selama empat hari. Semua tebusan itu dikumpulkan di aras sembilan di Bangunan AIA tersebut. Penganas JRA menuntut pembebasan seramai tujuh orang rakan mereka yang dipenjarakan di Jepun sebagai syarat pembebasan para tebusan. Penganas JRA turut menuntut agar disediakan sebuah pesawat jenis DC8 milik Japan Airlines (JAL) untuk menerbangkan mereka dengan selamat ke negara yang sudi menerima mereka.

Seluruh dunia ketika itu memberikan tumpuan terhadap usaha Kerajaan Malaysia yang mengetuai kumpulan perunding bagi membebaskan semua tebusan dengan selamat. Akhirnya, Kerajaan Jepun setuju beralih lalu menerbangkan semua banduan JRA dari Tokyo ke Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, dua daripada tujuh orang banduan JRA itu menolak pembebasan diri sendiri kerana salah seorang daripadanya sedang sakit dan sedang menunggu parol sementara seorang lagi banduan JRA sudah lagi tidak bersetuju dengan cara keganasan yang dilakukan oleh JRA dalam perjuangan mereka bagi mencetuskan revolusi di seluruh dunia.

Kerajaan Libya bersetuju menerima semua penganas JRA yang terlibat dalam peristiwa ini tetapi ia menyatakan dengan jelas bahawa persetujuan ini adalah setelah ia mendapat desakan yang berulang-ulang daripada Kerajaan Jepun. Selepas lima orang banduan JRA tersebut tiba di Malaysia, penganas JRA membuat satu lagi permintaan. Mereka ingin membawa tebusan bersama-sama mereka dalam penerbangan ke Libya bagi menjamin keselamatan mereka. Kerajaan Malaysia dan Jepun berjaya membuat persetujuan dengan penganas JRA, iaitu dua orang pegawai tinggi dari Malaysia dan dua orang pegawai tinggi dari Jepun dijadikan penjamin bagi menggantikan tempat semua tebusan itu. Akhirnya, pesawat DC8 milik JAL terbang meninggalkan Kuala Lumpur pada 8 Ogos 1975 dan tiba di Tripoli selepas singgah di Colombo, Sri Lanka untuk mengisi minyak.

Makalah ini memberikan tumpuan kepada peristiwa tebusan yang berlaku di Kuala Lumpur serta tindakan kerajaan Malaysia menangani isu hingga selesai. Selain kronologi peristiwa, makalah ini memberikan fokus kepada usaha-usaha diplomasi dan rundingan yang telah dijalankan oleh Malaysia bagi menyelesaikan krisis. Malaysia memainkan peranan yang sangat besar walaupun penganas dan tebusan yang terlibat bukan berasal dari Malaysia. Isu-isu yang dituntut oleh penganas juga tidak mempunyai kaitan dengan Malaysia. Makalah ini merungkai sebab dan situasi yang memberikan peranan besar kepada Malaysia dalam krisis ini. Kajian mengenai peristiwa ini tidak banyak didapati dalam bentuk buku atau penulisan ilmiah.

Makalah ini memberikan tumpuan kepada sumber dari akhbar semasa peristiwa tersebut berlaku disamping fail yang terdapat di Arkib Negara Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, kajian ini menjadikan laporan-laporan akhbar sepanjang berlakunya krisis tebusan tersebut, dua buah buku

berbahasa Inggeris bertajuk *Blood and Rage: The Story of Japanese Red Army* karya William R. Farrell dan *The Japanese Red Army* karya Aileen Gallagher, temu bual dengan Tan Sri Osman S. Cassim yang menjadi salah seorang penjamin mewakili Kerajaan Malaysia dan dokumentari bertajuk *KL Under Siege* turut dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam menghasilkan penulisan ini. Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis teks bagi melihat bagaimana peristiwa ini berlaku dan punca pihak yang terlibat dalam peristiwa ini bertindak sedemikian. Kaedah kualitatif analisis teks juga bertujuan untuk memahami pandangan dan pengalaman pihak-pihak yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bersejarah. Meskipun terdapat sedikit sebanyak percanggahan fakta antara semua sumber-sumber tersebut, ianya sesuatu tidak dapat dielakkan dan pendekatan penyelidikan kualitatif lebih fleksibel dan berfokus dalam mendapatkan hasil yang bermakna dalam interpretasi data.

### Latar Belakang Tentera Merah Jepun (JRA)

Tentera Merah Jepun atau *Japanese Red Army* (JRA) atau *Sekigun* ialah sebuah pertubuhan pengganas yang berfahaman komunis. Pertubuhan ini ditubuhkan di Jepun oleh pelajar-pelajar universiti yang berhaluan kiri bagi menggulingkan pemerintahan beraja Jepun dan melancarkan revolusi ke seluruh dunia. Kemudian, ia bergabung dengan sebuah lagi gerakan radikal Jepun yang menentang Persetiaan Keselamatan Amerika Syarikat – Jepun (*US – Japan Security Treaty*) dan membentuk Tentera Merah Bersatu atau *United Red Army* atau *Rengo Sekigun* dan bekerjasama dengan gerila Palestin (The Star, 6 Ogos 1975).

JRA berpecah daripada Parti Komunis Jepun (JCP) kerana JCP memilih dasar revolusi tanpa keganasan dalam tahun 1955. JRA mengisyiharkan diri sebagai tentera pada tahun 1969 dan mula menjalankan kegiatan sejak tahun 1970. Pertubuhan ini bekerjasama dengan *Popular Front for the Liberation of Palestine* (PFLP) dan puak-puak prokomunis yang radikal daripada PLO. Sejak itu, PFLP memberi latihan dan kelengkapan kepada anasir-anasir JRA di Lebanon (Ab Rashid & Selamat, 2004). Tindakan fanatik mereka mula diketahui umum pada awal tahun 1972 apabila *United Red Army* menghukum bunuh 12 belas orang ahli kumpulan mereka kerana melenceng daripada perjuangan parti ketika “latihan ketenteraan” di Gunung Asama, utara Jepun. Berikutnya tindakan keras oleh polis terhadap mereka menyebabkan saki baki kumpulan ini melarikan diri ke Asia Barat dan Eropah (The Star, 6 Ogos 1975). Pertubuhan ini telah melancarkan beberapa serangan ke atas beberapa lokasi strategik di dunia sehingga ia dibubarkan pada bulan April 2001.

JRA kerap menculik pegawai kerajaan, membunuh orang awam, mengambil tebusan dan merampas pesawat. Sama ada ia bertindak sendirian atau bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan lain, JRA berazam untuk menghapuskan imperialisme moden bermula dengan menggulingkan kerajaan beraja Jepun dan kemudian menyebarkan revolusi ke seluruh dunia (Gallagher, 2003). Imperialisme moden ialah tindakan sesebuah negara yang kuat menguasai negara yang lemah dan menguasai ekonomi serta sistem politik negara terbabit. JRA percaya bahawa imperialisme moden menyebabkan negara kaya menjadi bertambah kaya dan negara miskin menjadi bertambah miskin. Pertubuhan ini mengamalkan fahaman komunis dan mendukung kesamarataan ekonomi dan sosial untuk seluruh manusia di seluruh dunia. Malangnya, JRA memilih jalan keganasan bagi mencapai tujuan tersebut (Gallagher, 2003).

Kebanyakan pertubuhan keganasan mempunyai objektif yang lebih kecil dan jelas. Sebagai contoh, Tentera Republik Ireland atau *Irish Republican Army* (IRA) ditubuhkan adalah bertujuan untuk memerdekaan Ireland Utara daripada United Kingdom dan menyatukan Ireland Utara dengan Republik Ireland bagi membentuk sebuah negara bangsa Ireland yang bersatu. Pertubuhan Pembebasan Palestin atau *Palestine Liberation Organization* (PLO) pula menggunakan cara keganasan dalam perjuangan mereka mendapatkan pengiktirafan antarabangsa terhadap negara Palestin (Gallagher, 2003). Walau bagaimanapun, objektif penubuhan JRA untuk mencetus revolusi dan menguasai dunia adalah terlalu luas dan sukar dicapai. Dalam usaha mencapai tujuan tersebut, JRA telah melakukan pelbagai keganasan terhadap pihak-pihak yang tidak selari dengan fahamannya sehinggakan pertubuhan itu dilihat sebagai tidak banyak bezanya dengan negara-negara imperialisme moden yang ingin digulingnya.

JRA mulai mendapat perhatian dunia buat kali pertama adalah pada tahun 1970 apabila ia merampas pesawat Japan Airlines (Gallagher, 2003). Di Malaysia pula, JRA mulai dikenali apabila pertubuhan ini menawan Bangunan AIA di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 4 Ogos 1975 dengan menjadikan beberapa orang diplomat asing dan orang awam sebagai tebusan untuk ditukarkan dengan tujuh orang banduan JRA yang dipenjara di Tokyo. Meskipun penganas JRA menuntut pembebasan tujuh rakan mereka yang menjadi banduan di penjara di Tokyo, tetapi dua orang rakan mereka enggan dibebaskan kerana sudah tidak mahu lagi berjuang dengan senjata. Maka, Kerajaan Jepun pun menerbangkan lima orang banduan JRA sahaja dengan menaiki pesawat DC8 milik JAL ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang.

Menurut kabel kepada Jabatan Negara Amerika Syrikat pada 4 Ogos 1975, Tentera JRA menuntut kerajaan Jepun membebaskan Jun Nishikawa dan Kazuo Tohira serta beberapa orang lain termasuk Hisashi Matsuda dan Jun'ichi Matsuura dua orang ahli *Sekigun* yang tahan dalam tahun 1971 atas kesalan melakukan beberapa rompakan bank. Di samping itu penganas turut menuntut pembebasan Norio Sasaki yang merupakan pemimpin kepada *East Asia Anti-Japan Armed Front* (Coogan & Derichs, 2022). Penganas JRA juga menuntut agar mereka yang dibebaskan ini diterbangkan ke negara lain selepas dipertemukan dengan rakan-rakan mereka di Kuala Lumpur. Mereka juga meletakkan syarat bahawa dua orang pegawai tinggi dari Kerajaan Malaysia dan dua orang pegawai tinggi dari Kerajaan Jepun mesti mengikuti penerbangan mereka ke negara lain sebagai syarat pembebasan tebusan-tebusan di Bangunan AIA.

Bagi memenuhi tuntutan penganas JRA itu, Kerajaan Malaysia telah mengarahkan Tan Sri Osman S. Cassim dan Datuk Ramli Omar, sebagai mewakili Kerajaan Malaysia bagi mengikuti penerbangan tersebut. Tan Sri Osman S. Cassim ialah Ketua Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri dan Datuk Ramli Omar ialah Setiausaha Parlimen di Kementerian Komunikasi ketika itu. Kedua-dua pegawai kerajaan tersebut selamat pulang ke tanahair pada 10 Ogos 1975. JRA juga dipercayai terlibat dalam rampasan pesawat 653 milik Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) pada 4 Disember 1977 yang dalam penerbangan dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Pesawat malang tersebut menukar haluan ke Singapura sebelum terhempas di Tanjung Kupang, Johor. Semua penumpang pesawat tersebut mati. Walau bagaimanapun, tiada pihak berjaya membuktikan penglibatan JRA dalam kejadian tersebut (*The Blade*, 5 Disember 1977).

### Trend Keganasan Tentera Merah Jepun (JRA)

Serangan ke atas Bangunan AIA di Kuala Lumpur bukanlah aktiviti keganasan pertama yang dilakukan oleh JRA. Sebelum kejadian di Kuala Lumpur itu, JRA telah melakukan beberapa siri serangan ke atas beberapa buah negara. Tujuan mereka membuat serangan ke atas lokasi di luar Jepun adalah untuk menarik perhatian dunia terhadap perjuangan revolusi mereka menentang imperialisme Barat dan kerajaan monarki Jepun.

Serangan JRA ke atas lokasi di luar Jepun yang pertama adalah ke atas Lapangan Terbang Lod (kini Lapangan Terbang Ben Gurion) di Tel Aviv pada 30 Mei 1972. Serangan ini mengorbankan 26 orang dan mencederakan kira-kira 200 orang. Dua daripada tiga orang penganas JRA terbunuh, manakala seorang penganas yang bernama Okamoto Kozo berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa Israel dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup (*The Star*, 6 Ogos 1975). Beliau dibebaskan pada 20 Mei 1985 sebagai salah seorang banduan yang terlibat dalam pertukaran banduan antara Israel dengan *Popular Front for the Liberation of Palestine* (PFLP) (Gallagher, 2003).

Pada 20 Julai 1973, seorang penganas JRA dan empat orang gerila PFLP merampas sebuah pesawat Japan Airlines (JAL) yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Alaska. Seorang gerila PFLP mati dan seorang pramugari cedera akibat bom yang dibawa oleh gerila PFLP itu meletup secara tidak sengaja di dalam pesawat tersebut. Pesawat tersebut mendarat di Dubai selama tiga hari. Kemudian, ia berlepas semula dan mendarat di Tripoli sebelum diletupkan di situ (Gallagher, 2003).

Serangan berikutnya adalah pada 31 Julai 1974 apabila dua orang pengganas JRA bersama-sama dengan dua orang gerila PFLP penyerang pusat penapisan minyak milik Shell di Singapura. Kumpulan tersebut berjaya meletupkan sebuah tangki simpanan minyak sehingga mengakibatkan api merebak dengan mudah. Disebabkan oleh serangan itu, tiada lagi negara yang sanggup memberi suaka kepada pengganas JRA. Maka, sekumpulan gerila PFLP menyerang Kedutaan Jepun di Kuwait dan menuntut penyerang JRA di Singapura diberikan suaka di Kuwait. Pada mulanya Kuwait enggan menurut tuntutan tersebut, tetapi akhirnya terpaksa memenuhi selepas didesak oleh Jepun (Gallagher, 2003). Desakan ini merupakan sebagai salah satu usaha pertukaran dengan 16 orang pekerja Kedutaan Jepun yang dijadikan tebusan di Kuwait (*The Star*, 6 Ogos 1975).

Pada 14 September 1975, tiga orang pengganas JRA menawan Kedutaan Perancis di The Hague, Belanda dan menuntut agar Perancis membebaskan rakan mereka, Yamada Yoshiaki yang ditahan di Paris. Selepas Perancis membebaskan Yamada Yoshiaki dan menghantarnya ke The Hague, keempat-empat pengganas JRA itu diterbangkan ke Syria dengan menaiki sebuah pesawat yang disediakan oleh Belanda. Menurut Aileen Gallagher dalam bukunya *The Japanese Red Army*, pengganas JRA ditahan di Paris itu bernama Yutaka Furuya, bukan Yoshiaki Yamada (Gallagher, 2003).

Pada 5 Mac 1975, dua orang pengganas JRA bernama Nishikawa Jun dan Tohira Kazuo ditangkap di Stockholm, Sweden kerana didapati mengambil banyak gambar kedutaan-kedutaan asing di Sweden. Kedua-dua mereka kemudiannya dihantar oleh Sweden ke Jepun dan dipenjarakan atas tuduhan menggunakan pasport palsu. Nishikawa Jun juga didakwa terlibat dalam kejadian serangan ke atas Kedutaan Perancis di The Hague (*The Star*, 6 Ogos 1975). Nishikawa Jun dan Tohira Kazuo juga merupakan dua daripada lima orang banduan JRA yang ditukarkan dengan tebusan-tebusan di Bangunan AIA, Kuala Lumpur.

Serangan ke atas Bangunan AIA di Kuala Lumpur disifatkan berjaya oleh JRA sehinggakan mereka merampas pesawat di Dakha, Bangladesh pada 28 September 1977 dengan tuntutan agar rakan-rakan mereka yang masih ditahan di penjara dibebaskan. Mereka turut menuntut wang tebusan sebanyak 6 juta USD. Sekali lagi, Kerajaan Jepun terpaksa tunduk kepada tuntutan mereka. Pengganas JRA dan rakan-rakan mereka yang dibebaskan itu diterbangkan ke Algeria. Peristiwa ini merupakan satu kejayaan yang besar kepada mereka dan suatu yang memalukan bagi negara Jepun. Kerajaan Jepun dilihat sebagai satu kerajaan yang lemah dan mudah diugut (Gallagher, 2003).

Keganasan yang dilancarkan oleh JRA di Kuala Lumpur yang menjadi fokus kepada makalah ini merupakan rentetan daripada keganasan yang dilancarkan di Tel Aviv pada tahun 1972. Hal ini kerana pengganas yang terlibat dalam krisis tebusan di Kuala Lumpur telah menuntut pembebasan pemimpin-pemimpin JRA yang berada dalam tahanan kerajaan Jepun kerana terlibat dalam keganasan sebelum ini. Krisis yang berlaku di Kuala Lumpur bukanlah kes terpencil atau disasarkan kepada Malaysia sahaja, tetapi ianya merupakan sebahagian daripada keganasan global dan tuntutan utama pengganas ditujukan kepada kerajaan Jepun.

### **Krisis Tebusan di Bangunan AIA di Kuala Lumpur**

Peristiwa bermula kira-kira jam 11 pagi hari Isnin 4 Ogos 1975, apabila seramai lima orang pengganas yang menggelarkan diri mereka sebagai Tentera Merah Jepun atau Japanese Red Army (JRA) menyerbu Bangunan AIA di Jalan Ampang, Kuala Lumpur yang menempatkan beberapa buah pejabat kedutaan asing dan ibu pejabat syarikat insurans American Insurance Associates (AIA). Pengganas JRA turut melepaskan beberapa das tembakan apabila mereka menawan bangunan tersebut. Kira-kira seramai 53 orang awam dan diplomat telah dijadikan tebusan (*Utusan Malaysia*, 5 Ogos 1975). Pengganas JRA menuntut pembebasan tujuh orang rakan mereka yang menjadi banduan di penjara di Tokyo, Jepun sebagai syarat pembebasan semua tebusan yang terlibat.

Apabila pengganas JRA menyerbu Bangunan AIA, siren keselamatan dibunyikan dan seorang pengawal keselamatan berbangsa Sikh yang hanya bersenjatakan sebatang tongkat menaiki lif menuju ke aras sembilan yang menempatkan pejabat Konsular Amerika Syarikat dan kedutaan Sweden.

Pengawal keselamatan tersebut ditembak di muka sejurus sahaja beliau membuka pintu lif. Walau bagaimanapun, beliau berjaya menyelamatkan diri dengan turun ke aras bawah dengan menaiki lif yang sama. Pengawal keselamatan tersebut dikenali sebagai Sukhdev Singh. Kelihatan dari luar bangunan, beberapa orang bersenjata yang memakai topeng muka berwarna putih berdekatan dengan tingkap (Farrell, 1990). Seorang anggota polis, Konstabel V.A Lingam telah ditembak di dagu kiri ketika beliau cuba masuk ke aras sembilan (Ab Rashid dan Selamat, 2004). Polis mengosongkan kawasan sekitar Bangunan JRA. Sejurus kemudian, Unit Simpanan Persekutuan atau Federal Reserve Unit (FRU) tiba untuk mengawal orang awam di luar kawasan. Penembak tepat polis mengambil posisi di sekeliling bangunan. Pasukan bomba turut tiba dengan sebuah platform hidraulik (FCO 15/2077).

Penganas JRA melemparkan satu dokumen tiga muka surat yang bertajuk “*Declaration and Communique*” yang mengandungi tujuh tuntutan (Utusan Malaysia 5 Ogos 1975). Dua das tembakan dilepaskan oleh penganas JRA bagi menarik perhatian polis terhadap nota tersebut (FCO 15/2077). Mereka menuntut agar tujuh orang rakan mereka yang dipenjara di Jepun dibebaskan, sebuah helikopter untuk mengambil mereka dari bumbung bangunan 12 tingkat itu dan sebuah pesawat Japanese Airlines (JAL) untuk menerbangkan mereka ke destinasi pilihan mereka. Mereka juga menjelaskan bahawa mereka tidak mahu berunding dengan pegawai-pegawai Kerajaan Jepun dan semua komunikasi adalah melalui pihak berkuasa Malaysia. Penganas JRA juga menuntut agar Kerajaan Jepun memberi jawapan terhadap tuntutan-tuntutan mereka dalam masa empat jam (Farrell, 1990). Selain itu, mereka turut mengugut akan meletupkan bangunan tersebut beserta tebusan-tebusan jika sebarang percubaan dibuat untuk menangkap mereka. Dokumen tersebut menyatakan,

*“The answer by Japanese authorities must only be yes. We will execute the hostages in case no answer is received, or the answer is no. All things to be negotiated will be done after the answer yes within four hours. The lives of the hostages are guaranteed by our operational unit as far as you obey our demands.”* (Farrell, 1990, ms.165)

Penganas JRA turut meminta agar pesawat JAL yang bakal membawa mereka ke destinasi pilihan mereka itu mestilah hanya dikenalikan oleh seorang juruterbang, pembantu juruterbang dan jurutera pesawat. Mereka juga menegaskan bahawa serangan ini merupakan serangan terhadap imperialism Jepun, Amerika Syarikat dan Sweden. “*Swedish authorities captured and handed over to authorities our comrades the Japanese Red Army... In spite of our request to free our comrades, they handed them over to the Japanese enemy*” (Farrell, 1990, ms.165).

Banduan-banduan JRA yang dituntut agar dibebaskan dari penjara di Tokyo ialah Nishikawa Jun dan Tohira Kazuo yang ditangkap di Sweden ketika sedang mengambil gambar kedutaan-kedutaan asing di Stockholm pada 7 Mac 1975. Nishikawa Jun turut mengaku terlibat dalam serangan ke atas Kedutaan Perancis di The Hague pada September 1974 yang mengorbankan dua orang anggota polis. Pada 1 April 1975, JRA menghantar sepucuk surat kepada Kedutaan Sweden di Athens mengugut akan melakukan keganasan bagi memaksa Sweden membebaskan kedua-dua rakan mereka itu (*The Star*, 5 Ogos 1975).

Bando Kunio dan Sakaguchi Hiroshi pula ditangkap di Karuizawa oleh polis Jepun pada tahun 1972. Ketika serbuan itu, dua orang anggota polis dan seorang isteri kepada pegawai polis terbunuh. Matsuura Junichi dan Matsuda Hisashi ditangkap kerana merompak bank pada tahun 1971 dan Sasaki Norio pula ditangkap kerana melakukan pengeboman ke atas beberapa buah syarikat Jepun (Farrell, 1990).

Antara orang yang dijadikan tebusan di aras sembilan Bangunan AIA itu ialah Konsul Amerika Syarikat, Robert Stebbins dan Kuasa Usaha Sweden, Fredrik Bergenstrahle. Selain itu, jurucakap Kedutaan Amerika berkata bahawa empat orang rakyat Amerika Syarikat, seorang rakyat Sweden, seorang rakyat Jepun dan tiga orang rakyat Malaysia turut dijadikan tebusan. Rakyat Malaysia yang dijadikan tebusan dikenali sebagai Irene Leong, Mary Pereira dan Brenda Boudwille. Ketiga-tiga rakyat Malaysia itu ialah pekerja di pejabat Konsular Amerika Syarikat. Aras 9 Bangunan AIA menempatkan

pejabat Konsular Amerika Syarikat dan beberapa buah kedutaan asing lain. Kedutaan Sweden pula terletak di aras lapan (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975).

Menurut Pegawai Informasi di Kedutaan Amerika Syarikat, Ruben Monson, orang awam yang sedang memohon visa di pejabat Konsular Amerika Syarikat dikhawatir turut menjadi tebusan. Monson yang berpejabat di aras 11 Bangunan AIA sempat mlarikan diri dengan menaiki lif lain. Jurucakap Jabatan Negara di Amerika Syarikat, Robert Funseth menyatakan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat akan melakukan sedaya upaya untuk membebaskan para tebusan. Menurutnya lagi, Kuasa Usaha Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, Robert Dillon sedang berhubung dengan Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun. Duta Amerika Syarikat di Malaysia, Frank Underhill sedang bercuti ketika ini (*The Star*, 5 Ogos 1975).

Kerajaan Malaysia membentuk sebuah pasukan perunding di aras bawah Bangunan AIA dan melantik Menteri Perhungan, Tan Sri V. Manickavasagam sebagai wakil kabinet bagi membuat rundingan dengan pengganas JRA. Beliau memberi jaminan bahawa tuntutan-tuntutan pengganas JRA akan diserahkan kepada Kerajaan Jepun untuk pertimbangan (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975). Ketua Polis Negara, Dato' Seri Haniff Omar mengetuai kira-kira 300 orang anggota polis dalam operasi ini. Dua ekor anjing polis bernama Jin dan Pedang turut dibawa ke dalam Bangunan AIA untuk membantu pihak polis. Polis berpakaian kalis peluru dan bersenjatakan senapang 16mm(*The Star*, 5 Ogos 1975).

Pada waktu tengah hari, pengganas JRA mengibarkan kain putih sebagai tanda meminta makanan. Sejurus kemudian, makanan dihantar ke aras sembilan dengan menggunakan lif (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975). Pada jam 3:30 petang, pengganas JRA melepaskan dua das tembakan dari aras sembilan lalu mengenai betis seorang anggota Unit Simpanan Persekutuan (FRU) (FCO 15/2077). Beliau dikenali sebagai Konstabel Ku Ahmad bin Ku Razak (Ab Rashid dan Selamat, 2004). Kira-kira pada jam 5:25 petang, pengganas JRA melepaskan beberapa tembakan ke arah jurugambar yang sedang mengambil gambar sambil berselindung di belakang beberapa buah trak. Salah satu tembakan hampir mengenai jurugambar akhbar *The Star*, Tan Hong Tatt. Orang ramai turut berkerumun berhampiran dengan Bangunan AIA bagi melihat peristiwa ini dengan lebih dekat (*The Star*, 5 Ogos 1975).

Kerajaan Jepun menerusi pemangku Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri Jepun memberi jaminan kepada Kerajaan Malaysia bahawa semua tuntutan pengganas JRA akan cuba mereka penuhi. Kemudian, Tan Sri V. Manickavasagam menyampaikan jaminan Kerajaan Jepun itu kepada pengganas JRA menerusi panggilan telefon. Pada ketika ini, Perdana Menteri Jepun, Miki Takeo sedang melakukan lawatan kerja di Amerika Syarikat (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975). Terdahulu, Duta Jepun di Malaysia, Suma Michiaki tiba di Bangunan AIA pada jam 3:55 petang. Kedutaan Jepun juga berada dalam Bangunan AIA (FCO 15/2077). Beliau yang sebelum ini berada di Singapura telah bergegas pulang ke Kuala Lumpur bagi menyertai kumpulan perunding yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia (*The Star*, 5 Ogos 1975).

Ketua Setiausaha Kabinet Jepun, Ichitaro Ide berkata bahawa Kerajaan Jepun akan membebaskan tujuh orang banduan JRA yang dipenjara di Jepun seperti yang dituntut oleh pengganas JRA di Kuala Lumpur. Jurucakap pejabat Perdana Menteri Jepun mengatakan bahawa ini adalah bagi menjamin keselamatan nyawa para tebusan, tetapi tindakan muktamad adalah bergantung kepada niat Kerajaan Malaysia. Polis Jepun sedang membuat kepastian dengan setiap tujuh orang banduan JRA itu sama ada mereka benar-benar ingin meninggalkan Jepun. Berdasarkan laporan, dua daripada tujuh orang banduan JRA yang dipenjara di Jepun telah memberitahu polis bahawa mereka tidak lagi mahu menyertai Tentera Merah Jepun lagi (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975).

Pengganas JRA terkejut apabila mendapat tahu bahawa dua daripada tujuh orang rakan mereka telah memutuskan untuk terus tinggal di penjara di Jepun meskipun Kerajaan Jepun telah mengambil keputusan untuk membebaskan semua mereka. Matsuura Junichi menolak kerana beliau tidak sihat dan sedang pulih serta berharap agar beliau akan diberikan parol pada masa depan. Sakaguchi Hiroshi pula menolak cara keganasan JRA dan beliau kini lebih berminat menentang imperialism dari belakang tirai besi di Tokyo (Farrell, 1990).

Pada mulanya, pengganas JRA tidak percaya akan berita tersebut sehingga mereka berjaya berhubung dengan rakan-rakan mereka menerusi panggilan telefon. Masih lagi berasa sangsi, pengganas JRA memberi syarat baharu, iaitu apabila pesawat telah dinaiki oleh banduan-banduan JRA, Nishikawa Jun dan Tohira Kazuo akan memberi kepastian akan identiti semua banduan itu. Mereka juga akan memeriksa semua anak kapal pesawat sama ada mereka membawa senjata atau tidak. Apabila semua ini sudah dilakukan, mereka akan menghubungi rakan mereka di Kuala Lumpur untuk menerima arahan seterusnya (Farrell, 1990). Sementara itu, Jurucakap JAL menyatakan bahawa pihaknya sedang memilih kakitangan yang akan menaiki pesawat DC8 bagi menghantar banduan JRA dari Tokyo ke Kuala Lumpur dan membawa semua anggota JRA dari Kuala Lumpur ke lokasi lain selepas itu. (Utusan Malaysia, 5 Ogos 1975).

Pada jam 5:55 petang, tujuh orang anggota unit pemusnah bom dari Angkatan Tentera Malaysia tiba disusuli oleh pakar isyarat tentera dan memasuki Bangunan JRA. Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie yang baru pulang dari Jakarta lewat petang tadi mengambil alih tanggungjawab berunding dengan pengganas daripada Tan Sri V. Manickavasagam. Beliau memujuk pengganas JRA agar membenarkan dua orang suami kepada dua orang tebusan bercakap dengan isteri masing-masing melalui panggilan telefon (FCO 15/2077).

Pesawat DC8 milik JAL berlepas dari Tokyo pada jam 9:30 pagi waktu Malaysia pada hari Selasa tanggal 5 Ogos 1975. Kesulitan tidak berakhir di situ meskipun semua banduan JRA telah diterbangkan ke Malaysia seperti yang dituntut oleh pengganas JRA. Masalah baharu muncul pula kerana tiada negara yang bersedia menerima kesemua pengganas JRA itu. Tan Sri Ghazali Shafie telah menghubungi beberapa negara agar menerima semua pengganas JRA itu tetapi permohonan beliau telah ditolak.

Kemudian, pengganas JRA membebaskan lima orang tebusan wanita dan 12 orang tebusan kanak-kanak pada jam 1:00 tengahari. Seorang wanita pertengahan umur dibawa keluar dengan diusung menggunakan sebuah *stretcher* dan dibawa ke hospital dengan menaiki ambulans Palang Merah. Dua puluh minit selepas itu, pengganas JRA membebaskan dua orang lagi tebusan wanita dan seorang tebusan kanak-kanak (*The Star*, 6 Ogos 1975). Pesawat DC8 selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang pada kira-kira jam 7:45 malam dengan dipandu oleh Kapten Tomio Masako (Utusan Malaysia, 6 Ogos 1975). Pesawat tersebut membawa lima orang banduan JRA, 11 orang pegawai tinggi Kerajaan Jepun, 10 orang anak kapal dan 21 orang anggota polis Jepun (*The Star*, 6 Ogos 1975).

Pegawai-pegawai tinggi Jepun adalah dari Kementerian Kehakiman, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Pejabat Pendakwaraya Tokyo (FCO 15/2077). Timbalan Menteri Kabinet Jepun juga turut serta dalam penerbangan ini (Utusan Malaysia, 6 Ogos 1975). Apabila ketibaan pesawat DC8 diumumkan, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dan Timbalan Ketua Polis, Dato' Sri Mahmud Yunus memasuki pusat gerakan di aras bawah Bangunan AIA (*The Star*, 6 Ogos 1975). Duta Jepun, Suma Michiaki diiringi oleh kakitangan Kedutaan Jepun dan pegawai polis memasuki pesawat DC8 dengan membawa sepucuk sampul surat besar dan keluar semula selepas berbincang selama lebih kurang sejam. Anak-anak kapal meminta agar dibenarkan berehat selama 12 jam sebelum meneruskan penerbangan untuk membawa semua pengganas JRA termasuk pengganas JRA yang sedang menawan Bangunan AIA (Utusan Malaysia, 6 Ogos 1975).

Sehubungan itu, talian telefon dihubungkan antara pengganas JRA di Bangunan AIA dengan banduan JRA di dalam pesawat DC8. Pengganas menyatakan bahawa mereka bersedia melepaskan beberapa orang tebusan lagi. Beberapa buah kereta peronda polis diletakkan di luar Bangunan AIA dan satu pasukan doktor dibawa ke aras sembilan untuk memeriksa kesihatan tebusan (FCO 15/2077). Pengganas JRA membebaskan sembilan orang tebusan termasuk empat orang kanak-kanak pada jam 1:15 pagi hari Rabu tanggal 6 Ogos 1975. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang ditutup kepada awam bermula jam 8:15 pagi. Pengganas membebaskan beberapa orang tebusan lagi secara berperingkat-peringkat antara jam 8:10 hingga 11:30 pagi. Pengganas JRA meminta polis, Unit Simpanan Persekutuan (FRU) dan polis agar berundur dari Bangunan AIA. Operasi pengunduran tamat

pada jam 9:00 pagi. Sementara itu, rundingan masih diteruskan oleh pasukan perunding Malaysia dan Jepun dalam usaha mendapatkan negara yang sudi menerima kesemua pengganas JRA tersebut. Masih terdapat 15 orang tebusan lagi yang masih bersama dengan pengganas JRA tersebut, termasuk Konsul Amerika Syarikat, Robert Stebbins dan Kuasa Usaha Sweden, Fredrik Bergenstrahle (*The Star*, 7 Ogos 1975).

Pada jam 11:15 pagi, pengganas JRA bersama-sama dengan 15 orang tebusan meninggalkan Bangunan AIA dengan menaiki bas dengan diiringi ketat oleh pihak berkuasa Malaysia menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Pada ketika ini, berita diterima mengatakan bahawa Kerajaan Libya telah menghubungi Duta Jepun secara rasmi dengan menyatakan bahawa pesawat tidak dibenarkan mendarat di Libya (FCO 15/2077). Pada jam 12:15 tengah hari, pengganas merungut kerana alat penghawa dingin tidak berfungsi di dalam pesawat. Jurutera dihantar ke dalam pesawat untuk membaiki alat penghawa dingin. Pada jam 6:00 petang, seorang lagi jurutera dihantar ke dalam pesawat. Pada jam 11:00 malam, berita diterima mengatakan bahawa kerajaan Libya bersetuju membenarkan pesawat mendarat di Libya. Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Polis Negara menyertai Tan Sri Ghazali Shafie di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang. Kemudian, Tan Sri Ghazali membuat sidang akhbar sejurus selepas tengah malam hari Khamis tanggal 7 Ogos 1975. Pada jam 6:50 pagi, Setiausaha Parlimen di Kementerian Perhubungan, Ketua Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri dan dua orang pegawai kerajaan Jepun tiba di lapangan terbang untuk menyertai penerbangan bersama-sama dengan pengganas. Enjin pesawat dihidupkan pada jam 7:00 pagi dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) mengambil tempat di lapangan terbang.

Pada jam 8:15 pagi, berita diterima mengatakan bahawa kerajaan Iran mengugut akan menembak jatuh pesawat sekiranya ia terbang melintasi ruang udara Iran. Oleh itu, adalah mustahil bagi pesawat DC8 untuk mengisi minyak di Bahrain. Pakistan turut ditanya sama ada ia membenarkan pesawat mengisi minyak di Karachi, tetapi tiada jawapan diterima (FCO 15/2077). Maka pesawat DC8 terpaksa melakukan perjalanan pada laluan yang lebih jauh. Malangnya, pesawat DC8 tidak mempunyai kapasiti minyak yang mencukupi untuk terbang terus ke Libya melalui laluan penerbangan baharu yang lebih jauh. Ia mesti mendarat untuk mengisi minyak di mana-mana lapangan terbang. Pada jam 1:20 petang, Ketua Pengarah Perhubungan Malaysia mengumumkan bahawa pelan penerbangan untuk pesawat telah lengkap dan ia akan berlepas pada jam 3:00 petang. Pesawat akan mengisi minyak di Colombo setelah berjaya mendapat kebenaran daripada Kerajaan Sri Lanka. Perdana Menteri Sri Lanka memberi kebenaran tetapi dengan syarat bahawa pintu pesawat DC8 tidak dibuka ketika ia berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Colombo. Sekiranya pintu pesawat DC8 dibuka, tentera Sri Lanka akan menembak pesawat tersebut (Osman, 2015).

Pakar pemusnah bom tentera tiba di pesawat pada jam 1:30 petang. Mereka mengiringi dua orang pengganas JRA meletupkan bom di kawasan lapangan terbang (FCO 15/2077). Pada kira-kira jam 5:00 petang, pengganas JRA melambaikan kain putih dari tangga di pintu pesawat DC8. Maka bermulalah sesi pertukaran tebusan dengan banduan JRA dari Tokyo (Farrell, 1990). Sesi pertukaran dimulai dengan sembilan orang anak kapal JAL dibawa menaiki pesawat DC8 sementara lima orang tebusan dibawa keluar dari pesawat. Kemudian, dua orang pegawai tinggi Kerajaan Malaysia dan dua orang pegawai tinggi Kerajaan Jepun dibawa bersama mengikuti penerbangan itu ke Libya sebagai jaminan keselamatan pengganas JRA. Selepas itu, empat orang warganegara Malaysia dan seorang warganegara Singapura dibebaskan oleh pengganas JRA. Lima orang tebusan terakhir yang dibebaskan termasuk Konsul Amerika Syarikat, Robert C. Stebbins dan Kuasa Usaha Sweden, Fredrik Bergenstrahle berbaris di bawah tangga pesawat. Di hadapan dan di belakang mereka ada pengganas JRA. Seorang pengganas lain dengan sepucuk pistol berada di atas tangga pesawat bagi mengawal mereka. Lima orang banduan JRA dari penjara di Tokyo yang bergari dibawa ke pesawat dengan diiringi oleh dua orang anggota polis Malaysia. Seorang demi seorang banduan JRA itu dibebaskan selepas gari mereka dibuka. Robert Stebbins menjadi tebusan terakhir yang dibebaskan pada jam 5:35 petang. Dengan ini maka tamatlah krisis tebusan yang telah berlangsung selama lapan puluh jam itu.

Pesawat DC8 berlepas meninggalkan lapangan terbang pada jam 5:45 petang menuju ke Tripoli, Libya (FCO 15/2077). Para pengganas JRA duduk di bahagian belakang pesawat manakala pegawai-

pegawai Kerajaan Malaysia dan Jepun duduk di tempat duduk kelas pertama. Menurut kapten pesawat DC8 itu, Kapten Masuko Tomio percaya bahawa ketua kumpulan pengganas JRA yang terlibat dalam krisis tebusan itu ialah Wako Haruo. Kapten Masuko Tomio mengenali Wako Haruo kerana beliau pernah menerbangkan sekumpulan pengebom JRA dari Singapura pada bulan Februari 1974. Kapten Masuko Tomio berkata bahawa beliau dan Wako ada berbincang mengenai pertukaran tebusan dan kedudukan tebusan dalam pesawat sebelum pesawat berlepas dari Malaysia (Farrell, 1990).

Di dalam pesawat, pengganas JRA mencabut klip pada senjata mereka dan meletakkan senjata-senjata itu di ruang penyimpanan barang atas tempat duduk mereka. Pengganas JRA hanya boleh memasuki ruang kokpit pesawat ketika penerangan setelah mendapat kebenaran daripada juruterbang. Sejurus sahaja pesawat tiba di Libya, pesawat dikelilingi oleh kenderaan kecemasan dan pengganas JRA dibawa keluar dari pesawat. Kerajaan Libya menjelaskan bahawa mereka menerima pengganas JRA setelah diminta berkali-kali oleh Kerajaan Jepun, terutamanya permintaan daripada Timbalan Perdana Menteri Jepun, Fukuda Takeo. Walau bagaimanapun, Kerajaan Libya enggan memberi sebarang kenyataan berkenaan dengan masa hadapan pengganas JRA di Libya.

Berdasarkan beberapa temu bual dan pengecaman gambar, pihak polis Jepun berjaya mengesahkan identiti pengganas JRA yang terlibat dalam krisis tebusan di Bangunan AIA di Kuala Lumpur itu. Mereka ialah Wako Haruo, Maruoka, Yamada Yoshiaki (terdahulu ditahan di Lapangan Terbang Orly dan dibebaskan ketika peristiwa serangan di The Hague), Okudaira Junzo dan Hidaka Toshiko (bekas mahasiswa di Universiti Osaka) (Farrell, 1990). Ketua pengganas JRA, Shigenobu Fusako menyifatkan bahawa serangan ke atas Bangunan AIA di Kuala Lumpur pada tahun 1975 merupakan satu operasi yang berjaya. Hal ini adalah kerana pada masa yang sama, mereka berjaya memalukan Kerajaan Jepun. Pihak yang paling malang dalam krisis tebusan ini ialah Kerajaan Jepun kerana terpaksa menuruti segala kehendak pengganas JRA memandangkan terlalu ramai tebusan yang terlibat dan kebanyakannya daripada tebusan adalah terdiri daripada warganegara bukan Jepun (Farrell, 1990).

Pembebasan banduan JRA sudah pasti tidak dipersetujui oleh pegawai-pegawai polis Jepun yang pernah bersusah payah menangkap banduan JRA terbabit. Mereka merasakan satu perasaan kalah yang amat. Ramai antara mereka yang tidak dapat menyembunyikan perasaan dan kemarahan. Pembebasan banduan JRA ini umpama melepaskan harimau ke dalam hutan dan menyemai benih-benih masalah ke seluruh dunia.

### **Sebab-Sebab Tentera Merah Jepun (JRA) Menyerang Bangunan AIA Kuala Lumpur**

Terdapat beberapa sebab Kuala Lumpur menjadi sasaran serangan pengganas JRA pada pagi Isnin tanggal 4 Ogos 1975. Pertama, Bangunan AIA di Kuala Lumpur menempatkan beberapa buah kedutaan asing. Antaranya ialah Kedutaan Amerika Syarikat, Sweden dan Jepun. Keadaan ini menjadikan Bangunan AIA sebagai satu sasaran yang terbaik kerana apabila bangunan tersebut diserang, pengganas JRA dapat menjadikan ramai orang daripada pelbagai negara sebagai tebusan. Tindakan ini secara langsung memberikan tekanan kepada Kerajaan Jepun sehingga terpaksa menuruti segala tuntutan pengganas JRA.

Dalam satu dokumentari televisyen bertajuk *KL Under Siege*, seorang bekas pengganas JRA yang bernama Adachi Masao memberitahu bahawa pengganas JRA tidak bermusuhan dengan rakyat dan Kerajaan Malaysia. Mereka hanya menentang kerajaan beraja Jepun dan imperialism Amerika dan Barat. Kebetulan pula Bangunan AIA di Kuala Lumpur menjadi lokasi yang strategik untuk mereka melancarkan serangan bagi memberi tekanan kepada Kerajaan Jepun. Kedua, Perdana Menteri Jepun, Miki Takeo sedang melakukan lawatan kerja ke Amerika Syarikat pada hari kejadian tersebut. Sumber dari Kementerian Luar Negeri Jepun berpendapat bahawa serangan pengganas Tentera Merah Jepun ke atas Bangunan AIA di Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk melemahkan persidangan puncak antara Perdana Menteri Jepun, Miki Takeo dengan Presiden Amerika Syarikat, Presiden Ford (The Star, 4 Ogos 1975).

Ketiga, Pesta Bola Merdeka sedang berlangsung di Malaysia pada minggu tersebut. Banyak pasukan dari negara asing datang ke Malaysia bagi menyertai pertandingan bola sepak tersebut termasuklah pasukan dari negara Jepun. Kedatangan pelancong asing dari pelbagai negara ke Malaysia sepanjang minggu berlangsungnya pertandingan bola sepak tersebut merupakan suatu perkara biasa. Kesempatan ini digunakan oleh pengganas JRA untuk memasuki Malaysia sebagai pelancong asing tanpa disyaki oleh anggota keselamatan dan pihak imigresen kedua-dua buah negara, sama ada imigresen Malaysia mahu pun Jepun.

### **Peranan Malaysia dalam Menyelesaikan Krisis**

Terdapat kira-kira 40 orang warganegara Amerika Syarikat yang dijadikan tebusan dalam kejadian ini termasuklah Konsul Amerika Syarikat, Robert Stebbins. Namun, Kerajaan Amerika Syarikat berpendirian tidak akan berlembut atau menuruti segala permintaan pengganas JRA. Kerajaan Amerika Syarikat enggan berunding atau membayar wang tebusan sekiranya diminta kepada pengganas JRA kerana ia berpendapat ini akan menggalakkan pengganas JRA melakukan tindakan yang sama pada masa depan (Memorandum of Conversation, 1975). Kerajaan Amerika Syarikat menyerahkan rundingan kepada Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jepun dalam usaha membebaskan kesemua tebusan itu.

Meskipun Kerajaan Malaysia terpaksa menuruti segala kehendak pengganas JRA, Kerajaan Malaysia telah berjaya mengelakkan sebarang kehilangan nyawa sepanjang krisis ini. Kejayaan rundingan ini merupakan hasil kebijaksanaan dan diplomasi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie yang menjadi mengetuai pasukan perunding. Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada ketika itu, Tan Sri Osman S. Cassim yang mengikuti penerbangan bersama pengganas JRA ke Tripoli, Libya sebagai penjamin mewakili Kerajaan Malaysia mengatakan bahawa kelebihan yang dimiliki oleh Tan Sri Ghazali Shafie selain kemahiran diplomasi ialah beliau mempunyai hubungan yang baik dengan Menteri Luar Libya, Obeidi dan Perdana Menteri Sri Lanka, Bandaranaike ketika beliau menyandang jawatan sebagai Menteri Luar sebelum ini. Tan Sri Ghazali Shafie berjaya memujuk Kerajaan Libya agar menerima semua pengganas JRA dan mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan Sri Lanka agar membenarkan pesawat DC8 milik JAL singgah di Colombo untuk mengisi minyak (Osman, 2014).

Walaupun telah mendapat persetujuan Libya bagi menerima pengganas tersebut namun Kerajaan Malaysia masih perlu memikirkan keselamatan perjalanan kapal terbang menuju ke Libya. Kerajaan Malaysia berjaya mendapatkan persetujuan semua negara yang terlibat untuk melintasi ruang udara mereka kecuali kerajaan Iran. Raja Shah Iran bertegas memberi amaran akan mengarahkan kapal terbang tersebut ditembak sekiranya memasuki ruang udara Iran. Oleh itu, kerajaan Malaysia terpaksa merancang laluan lain yang lebih jauh. Kapal terbang tersebut juga perlu berhenti untuk mengisi minyak dalam perjalanan dan Sri Lanka telah dipilih sebagai tempat persinggahan. Sirimavo Bandaranaike Perdana Menteri Sri Lanka pada awalnya tidak bersetuju untuk menerima kapal terbang tersebut singgah bagi mengisi minyak dan memberi amaran akan mengarahkan askarnya untuk menembak kapal terbang tersebut sekiranya mendarat di Sri Lanka. Tan Sri Ghazali melakukan rundingan dengan Bandaranaike dan menyatakan rasa simpati Malaysia terhadap Sri Lanka. Tan Sri Ghazali berhujah sekiranya Sri Lanka tidak membantu tebusan yang tidak bersalah akan terkorban dan semua pihak tidak ingin hal ini terjadi. Selepas berunding selama 45 minit Perdana Menteri Bandaranaike akhirnya bersetuju membenarkan kapal terbang tersebut mendarat di Sri Lanka tetapi tentera Sri Lanka akan berada di sekeliling kapal terbang tersebut bersiap sedia dengan arahan untuk menembak sesiapa yang cuba meninggalkan kapal terbang tersebut (Huffpost, 2017).

Kerajaan Malaysia sememangnya memainkan peranan besar dalam menyelesaikan krisis ini. Rundingan yang dijalankan oleh kerajaan Malaysia berjaya mendapatkan laluan dan destinasi pesawat yang dinaiki oleh pengganas. Menteri Luar Malaysia Tan Sri Ghazali telah berjaya menggunakan hubungan baik beliau dengan pemimpin negara-negara luar bagi membantu menyelesaikan krisis tebusan.

Peranan yang dimainkan oleh kerajaan Malaysia adalah berbeza dengan kerajaan Amerika Syarikat. Amerika Syarikat mempunyai pendirian tegas terhadap sebarang kejadian rampasan. Negara tersebut tidak akan membayar wang tebusan meskipun ia bersedia untuk berbincang dan tidak menghalang negara-negara lain membayar wang tebusan. Oleh itu, adalah tidak mengejutkan apabila Kerajaan Amerika Syarikat tidak menghulurkan sebarang nasihat tentang cara proses rundingan perlu dijalankan sejak daripada awal peristiwa ini berlaku. Malah, Amerika Syarikat tidak membantu menghubungi negara-negara lain untuk menerima pengganas JRA. Kerajaan Amerika Syarikat juga tidak menghantar pegawai dari unit anti-keganasan ke Kuala Lumpur (FCO 15/2077). Setiausaha Negara Henry Kissinger, dalam perjalanan ke Belgrade ketika peristiwa ini berlaku. Beliau mengulangi pendirian Amerika Syarikat "*the United States does not negotiate with terrorists,*" dalam komunikasinya dengan pegawai Amerika di Kuala Lumpur (ADST, 2013). Keengganan Amerika Syarikat untuk berunding dengan pengganas dalam krisis ini secara automatik meletakkan tanggung jawab melakukan rundingan dan mencari jalan penyelesaian kepada kerajaan Malaysia.

Kerajaan Amerika Syarikat sekadar membenarkan penggunaan saluran komunikasi mereka untuk menyalurkan mesej daripada Kerajaan Malaysia dan Jepun kepada kerajaan-kerajaan lain. Amerika Syarikat mengekalkan sikap sebegini meskipun ditentang oleh Kerajaan Jepun. Amerika Syarikat terus kekal dengan sikap mereka untuk tidak terlibat dalam rundingan dengan pengganas. Hal ini diakui sendiri oleh Kerajaan Amerika Syarikat yang tidak merasakan sebarang tekanan dalam mencari penyelesaian krisis kerana pengganas JRA tidak menuntut apa-apa daripada mereka (FCO 15/2077). Tuntutan utama oleh pengganas adalah kepada kerajaan Jepun bagi membebaskan rakan mereka dari dipenjarakan di Jepun.

Di pihak Kerajaan Libya pula, mereka pada mulanya tidak membenarkan pesawat yang dinaiki oleh pengganas JRA mendarat di Tripoli. Namun, Kerajaan Libya akhirnya menukar fikiran setelah ia berulangkali menerima desakan daripada Kerajaan Malaysia dan Jepun. Tan Sri Ghazali Shafie telah menggunakan hubungan baik antara beliau dengan Menteri Luar Libya, Obeidi dalam usaha mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Libya. Tidak dapat dipastikan punca Kerajaan Libya menukar fikiran atau sama ada ia memberi jaminan keselamatan kepada pengganas JRA. Kerajaan Malaysia juga mengelak untuk memberi sebarang ulasan mengenai jaminan keselamatan tersebut. Namun, yang pasti pengganas JRA dilihat bebas keluar dari pesawat di Tripoli tanpa ditangkap meskipun tiada sebarang rundingan sebelum itu.

Kerajaan Malaysia telah menyatakan berkali-kali bahawa keselamatan 53 orang tebusan menjadi keutamaan krisis ini. Namun, proses ini tidak dilakukan dengan cara memanjangkan tempoh rundingan hingga boleh meletihkan pengganas JRA. Cara ini mungkin membuatkan hasil terhadap sesetengah pengganas, tetapi ia tidak berkesan apabila berhadapan dengan pengganas Jepun kerana bangsa Jepun mempunyai tradisi sanggup membunuh diri. Tan Sri Ghazali Shafie yakin bahawa sekiranya pengganas JRA mengesyaki beliau sedang melakukan helah, mereka bersedia untuk menembak para tebusan meskipun mereka terpaksa mempertaruhkan nyawa sendiri. Walaupun pada peringkat akhir rundingan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, pengganas JRA dilihat seperti bersedia beralih seperti menyerahkan bahan letupan dan akur akan desakan Kerajaan Jepun agar membenarkan pesawat dipandu oleh dua orang juruterbang, namun Tan Sri Ghazali Shafie sedar berdasarkan pada nada perbualan pengganas JRA, mereka nampak bersedia untuk meletupkan segalanya sekiranya permintaan mereka tidak dipenuhi.

Selain itu, Kerajaan Malaysia juga dilihat sudah bersedia untuk melakukan kekerasan terhadap pengganas JRA. Anggota polis dan askar telah ditempatkan di Bangunan AIA dan juga di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Tan Sri Ghazali Shafie mengatakan bahawa pada peringkat akhir rundingan, terdapat sembilan orang anak kapal, dua orang pegawai Kerajaan Malaysia dan dua orang pegawai Kerajaan Jepun berbanding dua orang pengganas di atas pesawat. Sementara itu, terdapat lima orang tebusan, lima orang banduan JRA dari Jepun yang bergari dan 10 orang anggota polis Malaysia yang merupakan anggota komando berbanding tiga orang pengganas JRA di atas landasan kapal terbang. Beliau hanya perlu memberi isyarat dan tiga orang pengganas di atas landasan kapal terbang pasti berjaya ditembak oleh penembak tepat, manakala 10 orang anggota polis yang berada di landasan kapal

terbang akan menyerbu ke dalam pesawat. Mungkin risiko yang bakal dihadapi ialah beberapa orang tebusan akan mati, tetapi para pengganas sudah pasti dapat ditangkap atau dibunuh. Namun Tan Sri Ghazali Shafie tidak bertindak sedemikian demi memikirkan keselamatan para diplomat Malaysia dan ahli keluarga mereka di luar negara yang berkemungkinan besar akan menjadi sasaran serangan balas dendam pengganas JRA selepas ini. (FCO 15/2077).

Kerajaan Jepun pula dilihat seperti mempunyai helah kerana memberikan banyak alasan ketika rundingan. Antaranya ialah alasan bahawa ia tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan JAL, mendesak agar pesawat dipandu oleh dua orang juruterbang, pertikaian tentang pelan penerbangan dan tempat mengisi minyak. Kerajaan Malaysia mengesyaki Kerajaan Jepun sedang merancang sesuatu di sebalik ini. Kemungkinan besar anak kapal tambahan yang dibawa menaiki pesawat itu juga merupakan ahli pasukan khas Jepun.

Juruterbang pesawat JAL juga mengugut tidak akan menerbangkan pesawat melainkan bahan letupan telah dikeluarkan dari pesawat. Meskipun bahan letupan telah dibawa keluar dan diletupkan oleh pakar bom dari Malaysia selepas itu, beliau masih juga enggan menerbangkan pesawat sehinggalah Tan Sri Ghazali Shafie mengugut akan mengarahkan juruterbang MAS, Kapten Hassan agar menerbangkan pesawat JAL sekiranya pihak Jepun masih lagi berkeras (Wendel, 2018).

Krisis tebusan yang berlaku di Kuala Lumpur yang melibatkan pelbagai negara menyerlahkan kebolehan pemimpin Malaysia dalam menyelesaikan krisis. Hal ini terutamanya setelah Amerika Syarikat kekal dengan keputusan mereka untuk tidak terlibat dalam rundingan dengan pengganas meskipun terdapat warga Amerika dalam kalangan tebusan. Malaysia menerajui rundingan dan diplomasi dengan negara lain sehinggalah krisis ini diselesaikan. Diplomasi yang dijalankan oleh Malaysia berjaya menyelamatkan nyawa tebusan yang tidak bersalah. Meskipun kerajaan Jepun bersetuju memenuhi tuntutan pengganas bagi membebaskan rakan mereka, namun penyelesaian terakhir kepada krisis tebusan ini telah dilakukan sepenuhnya oleh Malaysia. Malaysia telah berjaya dalam rundingan dengan Libya yang merupakan destinasi akhir pengganas dan tebusan. Malaysia juga berjaya memastikan kapal terbang yang membawa kesemua pengganas selamat sampai di Libya melalui rundingan dengan Sri Lanka dan negara-negara lain yang terlibat dalam laluan kapal terbang tersebut.

## KESIMPULAN

Peristiwa yang berlaku pada 4 Ogos 1975 ini telah menarik perhatian dunia kepada perjuangan yang dibawa oleh JRA kerana ianya melibatkan diplomat atau perwakilan asing di Malaysia iaitu dari Amerika Syarikat dan Sweden. Pihak JRA yang bersenjata telah berjaya menjadikan krisis ini sebagai satu krisis global yang melibatkan banyak negara. Perhatian dan tumpuan semasa krisis berlaku adalah mengenai jalan penyelesaian bagi mengelakkan pertumpahan darah dan kemalangan jiwa kepada tebusan dan juga pihak berkuasa. Amerika Syarikat bertegas dengan polisi mereka yang enggan berunding dengan pengganas telah meletakkan tanggung jawab bagi menyelesaikan krisis kepada kerajaan Malaysia.

Walaupun berada dalam tekanan yang kuat dari pihak JRA, kerajaan Malaysia telah berjaya berunding dan menangani krisis ini dengan baik. Peristiwa ini turut meletakkan pentadbiran Perdana Menteri Tun Abdul Razak dalam perhatian antarabangsa. Rundingan demi rundingan dengan pelbagai negara dijalankan bagi membebaskan semua tebusan diketuai oleh Tan Sri Ghazali Shafie yang merupakan Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri ketika itu. Ketokohan dan kemahiran diplomasi yang ditunjukkan oleh Tan Sri Ghazali sepanjang krisis tebusan ini seharusnya dipuji dan dijadikan contoh oleh semua pihak. Beliau dilihat berjaya mengetuai rundingan dengan begitu baik. Tanpa hubungan baik Tan Sri Ghazali dengan pemimpin negara luar krisis ini sukar diselesaikan. Hal ini terbukti dalam rundingan yang dilakukan oleh Malaysia dengan Libya dan Sri Lanka yang berjaya menamatkan krisis tebusan.

Peristiwa ini jelas menunjukkan pengawasan keselamatan di pintu-pintu masuk negara adalah sangat penting bagi mengelakkan penyusupan pihak pengganas. Timbul persoalan dari segi kawalan

pintu masuk negara yang lemah pada ketika itu atau sebaliknya kerana pengganas mudah menyusup masuk ke dalam negara dengan membawa senjata bersama-sama hingga tidak dapat dikesan oleh pihak keselamatan Malaysia. Peristiwa ini juga merupakan satu tampanan yang hebat ke atas Perdana Menteri Jepun, Miki Takeo. Kebetulan pada waktu itu, beliau sedang mengadakan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dan berjumpa dengan Presiden Amerika Syarikat, Presiden Ford. Sedikit sebanyak reputasi beliau tercalar akibat peristiwa ini. Akhirnya krisis tebusan ini tamat apabila kerajaan Jepun bersetuju menuruti segala permintaan pengganas JRA terutamanya membebaskan semua banduan JRA yang dipenjarakan di Tokyo. Walau bagaimanapun, dua daripada tujuh orang banduan JRA secara sukarela tidak mahu dibebaskan. Semua banduan JRA yang dibebaskan itu dibawa ke Malaysia untuk bertemu dengan pengganas JRA dan kemudiannya mereka diterbangkan ke Libya.

Peristiwa penawanan Bangunan AIA oleh pengganas JRA telah membuktikan Malaysia berjaya memainkan peranan dalam rundingan dengan pengganas dan juga dalam diplomasi dengan negara-negara yang terlibat. Walaupun Malaysia bukanlah sebuah kuasa besar, namun melalui hubungan baik di peringkat antarabangsa, Malaysia berjaya menyelesaikan krisis yang rumit dan berbahaya ini. Setelah melalui rundingan yang panjang semua tebusan dapat diselamatkan dan krisis ini dapat diselesaikan dengan baik.

## RUJUKAN

- Ab. Rashid Hj. Mohamad dan Selamat Sainayunie, (2004). *Sejarah Bergambar Institusi Polis di Malaysia Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: PDRM.
- All 100 Aboard Killed in Crash of Hijacked Malaysian Airliner. (1977, 5 Disember). *The Blade*.
- Coogan, K., & Derichs, C. (2022). *Tracing Japanese Leftist Political Activism (1957-2017) The Boomerang Flying Transnational*. London: Routledge.
- Farrell, W. R. (1990). *Blood and Rage: The Story of the Japanese Red Army*. Lexington: Lexington Books.
- FCO 15/2077 Terrorism in Malaysia. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Gallagher, A. (2003). *The Japanese Red Army*. New York: Rosen Pub. Group.
- KL Siege Parley. (1975, 6 Ogos). *The Star*.
- Komando Tawan Bangunan AIA di KL. (1975, 5 Ogos). *Utusan Malaysia*.
- K-terbang Bawa 5 Anggota JRA Mendarat di Subang. (1975, 6 Ogos). *Utusan Malaysia*.
- Memorandum of Conversation, Federal Executive Council Building, Belgrade, Yugoslavia, 4 Ogos 1975
- Mohd. Reduan Aslie, *Panduan PTK Polis Rujukan Umum PDRM*. Kuala Lumpur: PDRM.
- Raid Aimed at Ford-Miki Talks. (1975, 6 Ogos). *The Star*.
- Siege Ends. (1975, 7 Ogos). *The Star*.
- Tan Sri Osman S. Cassim, 15 November 2014. 14 Jalan 1/16, Bukit Segambut, Kuala Lumpur.
- Terror on the 9th Floor - The Kuala Lumpur Hostage Crisis. ADST. <https://adst.org/2013/07/terror-on-the-9th-floor-the-kuala-lumpur-hostage-crisis/>
- The 1975 AIA Building Hostage Crisis in Kuala Lumpur. Huffpost. [https://www.huffpost.com/entry/the-1975-aia-building-hos\\_b\\_7948470](https://www.huffpost.com/entry/the-1975-aia-building-hos_b_7948470)
- U.S. Embassy Siege in KL. (1975, 5 Ogos). *The Star*.
- Wendel, S.. (2018, October 26). 1975 - KL Under Seige [Video]. YouTube.  
<https://www.youtube.com/watch?v=Fy54ckG8LdA>